

**Waspada terhadap kumpulan yang menaja
pemikiran halang pembangunan**

PM MAHU PEGAWAI KREATIF

MM 22 NOV 1987
KUALA LUMPUR 21 Nov.
Datuk Sri 'Dr. Mahathir Mohamad mahu para pegawai tinggi kerajaan mempunyai pemikiran yang positif, kreatif, strategik, membina dan tidak gentar menghadapi apa jua cabaran untuk membawa rakyat dan negara melangkah maju ke depan.

Perdana Menteri mengingatkan dalam tempo pembangunan yang ada

sekarang aspek pemikiran amat penting ditekankan kerana bentuk dan aliran pemikiran mereka mempunyai implikasi kepada pembangunan dan pentadbiran negara.

Serentak dengan itu beliau meminta mereka sentiasa berwaspada terhadap individu dan kumpulan yang menaja pemikiran yang boleh menghalang usaha-usaha pembangunan negara.

Perucap di majlis jamuan makan malam Persekutuan Perkhidmatan Tabir dan Diplomatik (PTD) di sini malam ini Datuk Sri Dr. Mahathir menyenaraikan lima jenis pemikiran negatif yang mereka harus tolah demi kemajuan nega-

ra.

Katanya, bentuk yang pertama ialah sikap dan pendirian yang negatif terhadap idea - idea baru serta pantas menolak apa - apa cadangan dan rancangan - rancangan baru.

Kedua, kata Perdana Menteri ialah pemikiran sempit dan "parochial", mempunyai penglihatan yang berjangka pendek dan mementingkan hasil yang diperolehi dengan cepat.

Menurutnya, ketiga ialah pemikiran yang menitikberatkan kepentingan persendirian atau kumpulan tanpa mengira kesan buruk ke atas organisasi, masyarakat dan negara pada keseluruhannya.

Mereka juga, katanya, harus mengelak pemikiran yang sentiasa mencari peluang dan kesempatan untuk menindas dan menghalang

usaha - usaha orang lain serta hanya melihat keburukan dan kelemahan orang lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyebut selain itu golongan seperti ini sedia menerima tahap prestasi yang rendah dan senang dicapai tanpa banyak usaha.

"Kita mahukan pengurus yang sentiasa member-i perhatian yang berat terhadap matlamat atau "mission" organisasinya dan tidak membuat sesuatu yang boleh dikatakan menyeweng, terpesong atau lari daripada asas dan matlamat organisasi itu," katanya.

Menurut Perdana Menteri para pemimpin dan pengurus dalam kerajaan harus mendalami masalah dan matlamat negara, memahami latar belakang masalah, berhati - hati apabila mengkaji dan menghalusi

LIHAT MUKA 7

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM mahu pegawai - pegawai kreatif

MM. 22 NOV 1987

faedah dan risiko yang akan dan mungkin dihadapi sebelum membuat sesuatu keputusan muktamad.

"Kejayaan organisasi bergantung rapat kepada mutu pemikiran pengurus yang diharapkan bersifat kreatif, membina, inovatif dan strategik," tambahnya.

Mereka, tambah beliau harus sedar akan perkembangan terbaru dalam bidang pengurusan mempunyai ketegasan disiplin dan kekuatan mengurus konflik, cabaran dan persaingan untuk membolehkan organisasinya maju ke depan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat pemimpin dan pengurus harus mempunyai sifat pemikiran yang agak menyeluruh dan jelas tentang haluan perjalanan organisasinya.

Untuk mencapai matlamat ini, katanya mereka tidak boleh bersandarkan semata - mata kepada pendekatan logik atau "reason" sahaja atau membuat keputusan berasaskan pengutipan data - data dan penglihatan fenomena - fenomena semasa sahaja.

"Pendirian dan tindakan kita harus juga berpandu kepada pembelajaran, pengalaman serta fakta - fakta sejarah. Tanpa demikian kita akan terus mengulangi kesilapan - kesilapan dahulu dan mengambil tindakan - tindakan yang terburu - buru," ujarnya.

Beliau menambah para

pemimpin dan pengurus yang baik akan dapat meramal dan menjangka cabaran dan keperluan masa depan dan sentiasa bersedia menghadapi masalah - masalah yang dijangka timbul.

Katanya, melalui ini mereka akan dapat menghasilkan idea - idea baru, dapat bertindak secara produktif dan dapat menerokai peluang - peluang baru yang mungkin dapat dimajukan.

Menurutnya pendekatan ini akan membantu untuk menghasilkan keputusan dan tindakan yang berkesan, adil dan bijaksana.

"Di samping itu kita perlu juga mengambil kira unsur logik dan emosi. Jika kita hanya menggunakan logik atau "reason" tanpa mengambil kira emosi dan perasaan, kita mungkin membuat sesuatu yang tidak cocok dengan psikologi manusia dan sifat - sifat kemasyarakatan yang terdapat di sekeliling kita."

"Sebaliknya jika kita hanya berpandukan kepada emosi dan perasaan kita mungkin akan membakar pemikiran dan perasaan orang lain dan seterusnya mengakibatkan tindakan - tindakan yang akhirnya sukar dikawal," katanya.

Oleh itu, menurut Perdana Menteri perlu ada keseimbangan di antara penggunaan unsur logik dan emosi.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan sesuatu

perubahan tidak semestinya berlaku secara "revolutionary" dan mendadak di mana perkara yang baik dan berguna harus dikekalkan dan dipelihara.

Dalam hubungan ini beliau menegaskan nilai - nilai asas yang perlu mereka pelihara ialah nilai - nilai yang selama ini telah menyatu dan mengukuhkan Malay-

sia sebagai sebuah negara yang merdeka.

Mereka, katanya lagi, harus menolak pentabahan - perubahan yang dianggap menjejaskan atau akan menggugat ketenteraman dan pembangunan negara atau bertentangan dengan pendirian dan nilai - nilai asasi yang menjadi pegangan hidup rakyat Malaysia.